Pembayaran semula bagi perbelanjaan untuk makanan dan tempat tinggal yang ditanggung oleh penjaga untuk menemani Kanak-kanak yang dilindungi (berumur di bawah lima belas (15) tahun) di hospital sehingga bilangan hari maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk pada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

16 PEMBIAYAAN LAPORAN PERUBATAN

Pembayaran semula bagi yuran laporan perubatan yang tidak melebihi amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap hilang upaya.

17 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Pembayaran semula bagi jumlah sebenar cukai barangan dan perkhidmatan yang perlu dibayar bagi rawatan yang diterima untuk penyakit atau keadaan yang dilindungi di bawah Sijil.

18 PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Pembayaran semula bagi segala perbelanjaan pengebumian jika Peserta meninggal dunia semasa pembedahan atau semasa tempoh penghospitalan atau selepas empat belas (14) hari dari tarikh daftar keluar hospital.

19 MANFAAT TUNAI HOSPITAL

Pembayaran Elaun Tunai Harian bagi setiap hari pesakit dimasukkan ke hospital seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

20 BANTUAN KEMASUKAN HOSPITAL

Jika Orang yang Dilindungi memerlukan rawatan sebagai pesakit dalam atau pembedahan di hospital yang disenaraikan sebagai Panel yang diluluskan oleh pihak Pengendali Takaful, Pembekal Perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Pengendali Takaful hendaklah memberikan bantuan untuk kemasukan hospital dan menyelesaikan pembayaran kepada pihak hospital.

Peserta hendaklah membayar kepada hospital jumlah deduktibel dan semua perbelanjaan yang tidak ditanggung jika pelan perlindungan Peserta tertakluk kepada Deduktibel. Pembekal perkhidmatan bertanggungjawab untuk mengatur penyelesaian amaun yang melebihi Deduktibel dan lain-lain perbelanjaan yang tidak ditanggung.

Sekiranya bayaran berlebihan dibuat oleh Pembekal Perkhidmatan, Pembekal Perkhidmatan berhak untuk mendapatkan semula bayaran yang berlebihan tersebut dari Peserta. Perkhidmatan ini digunapakai untuk Pelan sama ada di Malaysia atau Singapura.

21 RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR

Jika Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan kanser seperti yang dinyatakan di bawah, Pengendali Takaful akan membayar semula caj berpatutan, wajar dan biasa diamalkan untuk rawatan yang perlu dari segi perubatan kanser yang dijalankan di pusat rawatan kanser yang sah berdaftar, tertakluk kepada had kecacatan seperti yang dinyatakan didalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar di hospital atau di pusat rawatan dialisis berdaftar sebaik sahaja mendaftar keluar dari hospital atau pembedahan.

Kanser bermakna sel-sel malignan tumbuh, sebar dan ceroboh dengan tidak terkawal lalu memusnahkan tisu normal dan rawatan atau pembedahan (kecuali prosedur endoskopi sahaja) dikira perlu. Kanser ini mesti disahkan dengan bukti histologi malignan. Syarat-syarat berikut adalah dikecualikan :

- a. Carcinoma in situ termasuk serviks;
- b. Ductal Carcinoma in situ of breast;
- c. Papillary Carcinoma of the bladder dan Kanser Prostat Tahap 1;
- d. Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan;
- e. Penyakit Hodgkin Tahap 1;
- f. Ketumbuhan kesusukan sebagai komplikasi AIDS.

Ini adalah syarat khas bagi manfaat ini, tanpa menyentuh pengecualian keadaan sedia ada. Manfaat ini tidak akan dibayar bagi mana - mana Peserta yang telah didiagnosis sebagai pesakit kanser dan / atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh kuat kuasa Sijil.

22 RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR

Jika Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang seperti yang dinyatakan di bawah, Pengendali Takaful akan membayar semula caj berpatutan, wajar dan biasa diamalkan untuk rawatan yang perlu dari segi perubatan dialisis buah pinggang yang dijalankan di pusat dialisis sah berdaftar tertakluk kepada had kecacatan seperti yang dinyatakan didalam Jadual Manfaat. Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar di hospital atau di pusat rawatan dialisis berdaftar sebaik sahaja mendaftar keluar dari hospital atau pembedahan.

Kegagalan Buah Pinggang bermakna kegagalan buah pinggang kronik peringkat akhir

BAHAGIAN A1 - KEKECUALIAN

Sijil ini tidak melindungi sebarang penghospitalan, pembedahan atau pembayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) keadaan yang berikut :

- 1 Penyakit sedia ada.
- 2 Sebarang keadaan perubatan atau fizikal Orang yang Dilindungi yang berlaku samada dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh pengefektifan semula; mana-mana yang terkini kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- 3 Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy radial atau Lasik) dan penggunaan atau pengambilalihan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimpelankan dan preskripsinya.
- 4 Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh Takaful.

- 5 Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan susulannya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang disahkan kuarantin oleh undang-undang.
- 6 Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk kelainan atau hilang upaya kongenital termasuk penyakit keturunan.
- 7 Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan. Ketidakfungsian erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotent (kemandulan) atau pensterilan.
- 8 Penghospitalan dimana tujuan utama ialah penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- 9 Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri ketika siuman atau tidak siuman.
- 10 Peperangan atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, jenayah atau aktiviti pengganas, bergiat cergas dalam sebarang angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan.
- 11 Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear hasil proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- 12 Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh dari Orang yang Dilindungi dan kos pengambilalihan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- 13 Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan alternatif terapi seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, aku-tekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
- 14 Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana Takaful lain atau tanggung rugi (indemniti) yang melindungi Orang yang Dilindungi dan hilang upaya yang berpunca sewaktu bekerja atau kerjaya yang dilindungi di bawah Sijil Takaful / Insurans pampasan pekerja.
- 15 Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- 16 Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- 17 Sakit atau kecederaan yang timbul daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjunan udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- 18 Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang bagi mana-mana penerbangan komersil berjadual yang berdaftar untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- 19 Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.
- 20 Sebarang aktiviti yang melanggar panduan dan prinsip Syariah.

BAHAGIAN A1 - SYARAT YANG DITETAPKAN

- 1 **PENGUBAHAN SIJIL** *(terpakai jika dinyatakan di dalam Jadual Sijil)*
Jika manfaat layak diterima yang disediakan di bawah Sijil ini telah diubah daripada perlindungan 'Had Dalam' sedia ada kepada seperti dicajkan/ pembayaran semula perlindungan, dan jika Orang Yang Dilindungi itu mengalami hilang upaya sebelum atau semasa manfaat diubah, manfaat yang dibayar bagi hilang upaya itu hendaklah selaras dengan Jadual Manfaat sebelum tarikh manfaat layak diterima diubah.

2 PEMBAYARAN SEMULA SEPENUHNYA BAGI HOSPITAL KERAJAAN

Caj-caj layak bagi perbelanjaan perubatan dibayar sepenuhnya bagi rawatan di hospital kerajaan Malaysia bagi setiap penyakit atau kecederaan, dengan syarat Orang yang Dilindungi tidak dipindahkan dari atau ke hospital swasta dan caj rawatan, bilik serta makanan yang tidak melebihi daripada yang diberikan di bawah Pelan Pilihan yang terpakai kepada Orang Yang Dilindungi.

3 RAWATAN DI LUAR NEGARA

Sekiranya Orang yang Dilindungi mendapatkan rawatan di luar negara, manfaat yang berkaitan dengan rawatan akan dibayar tertakluk kepada kekecualian, had dan syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran rasmi yang digunakan pada hari terakhir bagi tempoh kemasukkan ke hospital dan bukannya kos pengangkutan ke tempat di mana rawatan diberikan kecuali;

- a. Orang yang Dilindungi membuat perjalanan ke luar negara atas sebab-sebab selain daripada untuk rawatan perubatan, dan perlu dimasukkan ke hospital luar daripada Malaysia berikutan keperluan perubatan kecemasan.
- b. Orang yang Dilindungi setelah dicadangkan oleh pakar perubatan dan perlu dipindahkan ke hospital luar daripada Malaysia kerana jenis rawatan kepakaran, peralatan, maklumat atau keputusan yang diperlukan tidak boleh diberi, disediakan ataupun diambil di Malaysia.

Rawatan luar negara bagi penyakit, sakit atau kecederaan yang didiagnos di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik di mana rawatan boleh ditanggungkan sehingga kembali ke Malaysia adalah dikecualikan.

4 PEMBAYARAN SEMULA CUKAI PERKHIDMATAN

Walauapapun yang dinyatakan sebaliknya di dalam Sijil ini, Sijil ini merangkumi pembayaran semula Cukai Perkhidmatan Kerajaan sebenar yang dibuat berkaitan rawatan yang diterima bagi penyakit atau keadaan yang dilindungi di bawah Sijil. Sebarang perbelanjaan tersebut akan dibayar di bawah Perkhidmatan & Peralatan Hospital.

5 TINGGAL DI LUAR NEGARA

Tiada manfaat akan dibayar bagi sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Dilindungi di luar Malaysia, jika Orang yang Dilindungi tinggal atau membuat perjalanan di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

6 PENGAMBILALIHAN SIJIL (terpakai jika dinyatakan di dalam Jadual Sijil)

Jika Sijil ini bermula sebaik sahaja selepas penamatan Sijil terdahulu dan jika Orang yang Dilindungi mengalami hilang upaya perubatan sebelum atau semasa Sijil ini bermula (dan manfaat di bawah Sijil terdahulu disediakan untuknya), Orang yang Dilindungi itu hendaklah terus dilindungi bagi hilang upaya sedia ada, tetapi tidak melebihi had Sijil terdahulu dengan syarat Pengendali Takaful telah memperoleh satu salinan Sijil terdahulu.

7 NAIK TARAF SIJIL (terpakai jika dinyatakan di dalam Jadual Sijil)

Jika manfaat layak diterima bagi Orang yang Dilindungi di bawah syarat Sijil ini ditambah semasa ia berkuatkuasa atau pada masa pembaharuan atau penggantian dan jika Orang yang Dilindungi itu mengalami hilang upaya sebelum atau pada masa manfaat ditambah, maka had manfaat yang dibayar bagi hilang upaya itu tidak boleh melebihi had manfaat sebelum tarikh manfaat itu ditingkatkan.

8 NAIK TARAF BAYARAN BERSAMA BILIK DAN MAKANAN

Jika Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital pada kadar bilik dan makanan yang lebih tinggi daripada manfaat yang dia layak, Orang yang Dilindungi hendaklah menanggung 20% daripada manfaat lain yang dia layak yang diterangkan dalam Jadual Manfaat.

9 TEMPOH MENUNGGU

Kelayakan menerima manfaat bermula tiga puluh (30) hari selepas Peserta dimasukkan ke dalam Sijil, kecuali untuk kemalangan yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh kuatkuasa perlindungan.

BAHAGIAN A2 - DEFINISI

1 KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL

Kematian akibat kemalangan dan keilangan kekal bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa atau kejadian tertentu pada masa dan di tempat yang dikenalpasti, yang hendaklah, tanpa bergantung pada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi kecederaan anggota badan. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan kepada Peserta dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh kemalangan, jumlah perlindungan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat akan dibayar oleh Pengendali Takaful. Sekiranya Peserta mengalami keilangan kekal dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari daripada tarikh kemalangan, Pengendali Takaful akan membayar peratusan jumlah perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Skala Pampasan Bagi Keilangan Kekal. Sekiranya berlaku kematian dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh kemalangan diikuti dengan keilangan kekal, amaun agregat semua bahagian yang dibayar dibawah Sijil tidak akan melebihi jumlah perlindungan kematian.

SKALA PAMPASAN BAGI KEILATAN KEKAL

Keterangan	% Jumlah Perlindungan
1 Keilangan kekal menyeluruh mengikut mana-mana pekerjaan atau kerja	100%
2 Hilang penglihatan di sebelah atau kedua-dua belah mata	100%
3 Hilang Upaya menyeluruh akibat pemotongan fizikal atau keilangan kekal dan menyeluruh bagi penggunaan :- (a) satu atau kedua-dua tangan di pergelangan tangan (b) tangan dari paras bahu (c) tangan di antara bahu dan siku (d) tangan pada paras atau di bawah siku (e) kaki dari pangkal peha (f) kaki di antara lutut dan pangkal peha (g) kaki pada atau di bawah lutut	100% 100% 100% 100% 100% 100% 100%
4 Keilangan Kekal dan Menyeluruh bagi :- (a) penglihatan sebelah mata, kecuali daya pengamatan cahaya (b) kanta sebelah mata	50% 50%
5 Keilangan Kekal dan Menyeluruh bagi :- (a) pendengaran kedua-dua belah telinga (b) pendengaran sebelah telinga	75% 15%
6 Keilangan Kekal dan Menyeluruh daya pertuturan	50%
7 Kehilangan menyeluruh oleh pemotongan fizikal atau keilangan kekal dan menyeluruh bagi penggunaan :- (a) ibu jari tangan & 4 jari sebelah tangan (b) 4 jari sebelah tangan (c) Ibu jari tangan - 2 ruas - 1 ruas (d) jari telunjuk - 3 ruas - 2 ruas - 1 ruas (e) jari hantu (tengah) - 3 ruas - 2 ruas - 1 ruas (f) jari manis (jari cincin) - 3 ruas - 2 ruas - 1 ruas (g) jari kelingking - 3 ruas - 2 ruas - 1 ruas	50% 40% 25% 10% 15% 8% 4% 10% 4% 2% 8% 4% 2% 6% 4% 2%

Keterangan**% Jumlah Perlindungan**

(h) tulang tapak tangan (metakarpus)	
- pertama atau kedua (tambahan)	3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
(i) semua jari sebelah kaki	18%
(j) ibu jari kaki	
- 2 ruas	6%
- 1 ruas	3%
(k) mana-mana jari kaki lain	3%

Di mana kecederaan tidak dinyatakan, Pengendali Takaful berhak menggunakan peratusan hilang upaya, yang pada pendapatnya tidak bercanggah dengan peruntukan di dalam Jadual di atas. Keilatan kekal adalah merangkumi hilang upaya keseluruhan.

2 TAMBAHAN**a) PENDEDAHAN**

Sekiranya Orang yang Dilindungi dapat dielakkan terdedah kepada elemen semulajadi dan mengakibatkan kecederaan seperti yang dinyatakan didalam Jadual Sijil akibat dari kemalangan, kecederaan akan diambil kira sebagai tuntutan tetapi hanya untuk kematian atau keilatan.

b) HILANG/ LESAP

Walaupun yang dinyatakan di dalam sijil ini, sekiranya tubuh badan Orang yang Dilindungi tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas tarikh kehilangan akibat dari kemalangan, dan Pengendali Takaful telah memeriksa semua bukti yang ada serta tidak mempunyai alasan untuk menyangkal semua kemungkinan kemalangan yang telah mengakibatkan kematian kepada Orang yang Dilindungi, kehilangan Orang yang Dilindungi akan dikira sebagai wujud bukti tuntutan di bawah Sijil dan akan dibayar sepenuhnya. Walaubagaimanapun, jika pada sebarang masa selepas pembayaran telah dibuat, Orang yang Dilindungi ditemui hidup, mana-mana jumlah yang telah dibayar oleh Pengendali Takaful untuk penyelesaian tuntutan hendaklah dikembalikan semula.

c) MOGOK, RUSUHAN DAN KETEGANGAN AWAM

Sijil ini diperluaskan untuk melindungi Orang yang Dilindungi dalam lingkungan dinyatakan secara langsung atau tidak yang disebabkan oleh mogok, rusuhan dan ketegangan awam di mana pengkadaran kejadiannya bukanlah kemunculan popular kecuali sekiranya Orang yang Dilindungi terbabit secara aktif, maka pengluasan ini tidak sah dan terbatal.

d) AKTIVITI BERMOTORSIKAL

Sijil ini diperluaskan untuk melindungi Orang yang Dilindungi dalam lingkungan dinyatakan berikutan Orang yang Dilindungi terlibat dalam aktiviti bermotorsikal, dengan syarat lazimnya pengluasan ini tidak diguna-pakai kepada mana-mana kemalangan yang wujud daripada aktiviti perlumbaan bermotorsikal, penentuan ukuran (pacemaking), percubaan keboleh-percaya atau ujian kelajuan motorsikal.

BAHAGIAN A2 - KEKECUALIAN

Sijil ini tidak melindungi sebarang kemalangan yang diakibatkan secara langsung atau disebabkan oleh atau terjadi daripada :-

- 1 Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, rusuhan awam yang mengakibatkan rampasan kuasa, rampasan tentera, pemberontakan, revolusi, konspirasi, rampasan kuasa atau kebangkitan tentera, atau sebarang tindakan oleh seseorang yang mewakili atau berkaitan dengan mana-mana organisasi yang bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan atau mempengaruhi tindakan keganasan atau kekejaman.;
- 2 Peralatan senjata nuklear, bahan-bahan pengionan, radiasi atau pencemaran oleh aktiviti radio-aktif daripada bahan buangan nuklear yang disebabkan oleh letupan bahanapi nuklear dan di bawah kekecualian ini, letupan tersebut termasuk yang diakibatkan oleh proses simpanan gabungan nuklear.;
- 3 Orang yang Dilindungi berada di dalam pesawat atau ketika menaiki atau menuruni apa jua pesawat, atau diakibatkan daripada penurunan atau kejatuhan daripada pesawat semasa perjalanan sebagai juruterbang atau anak kapal.
- 4 Orang yang Dilindungi terlibat dalam sukan professional, ujian kelajuan, sebarang perlumbaan selain menggunakan kaki, memburu, mendaki gunung sebagai profession, ski air, peluncuran udara, aktiviti didalam air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, atau menggunakan mesin bagi kerja pertukangan selain daripada peralatan mudah alih yang menggunakan tangan..
- 5 Orang yang Dilindungi di bawah pengaruh alkohol atau dadah (sementara atau sebaliknya) kecuali ianya dapat dibuktikan kepada pihak Pengendali Takaful dimana kejadian yang terjadi bukanlah disebabkan pengaruh alkohol atau dadah.

- 6 Sebarang jenis penyakit, hamil atau melahirkan anak atau hilang upaya sedia ada atau tidak sihat, tidak siaman, bunuh diri atau niat mencederakan diri sendiri.
- 7 Hasutan membunuh atau serangan.
- 8 Orang yang Dilindungi melakukan kesalahan atau berniat untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.
- 9 Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), tanpa mengira bagaimana cara sindrom ini diperolehi atau apa jua nama yang diberikan.
- 10 Sebarang aktiviti yang melanggar panduan dan prinsip Syariah.
- 11 Orang yang Dilindungi melibatkan diri secara aktif dalam mana-mana pekerjaan atau tugas:-
 - a. Polis, tentera, militari dan pegawai penguatkuasa undang-undang
 - b. Penguji kapal terbang, pemandu atau anak-anak kapal
 - c. Penyelam, kecuali sebagai hobi
 - d. Pemandu kereta laju
 - e. Joki
 - f. Melibatkan diri dengan aktiviti sukan professional
 - g. Melibatkan diri dengan perlombongan bawah tanah dan terowong
 - h. Pelaut dan penangkap ikan laut dalam
 - i. Pekerja pelantar minyak
 - j. Pekerja membaiki menara
 - k. Pekerja punggah-memunggah di pelabuhan
 - l. Melibatkan diri dengan runtuh bangunan
 - m. Jurumasin pertukangan kayu
 - n. Ahli bomba
 - o. Pemberita perang
 - p. Mengendalikan bahan letupan
 - q. Penggaji, pekerja balak, pemandu dan pembantu lori balak dan sikal

1 PESERTA YANG LAYAK

Orang yang layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini adalah :

- a) Peserta yang berumur di bawah 70 tahun pada tarikh pertama insepisi Takaful;
- b) Suami/isteri Peserta yang sah berumur di bawah 70 tahun, kecuali berpisah secara sah daripada Peserta mengikut perundangan, dan
- c) Anak Peserta yang telah mencapai umur tiga puluh (30) hari dan belum berkahwin, yang bergantung dari segi kewangan pada Peserta dan berumur kurang daripada sembilan belas (19) tahun atau hingga dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.
- d) Ibu bapa Peserta yang berumur di bawah 70 tahun pada tarikh pertama insepisi Takaful.

2 TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Sijil ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang sepertimana dinyatakan di dalam Jadual. Ulang tahun Sijil adalah satu (1) tahun selepas tarikh berkuatkuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun tersebut, Sijil ini boleh diperbaharui pada kadar caruman yang berkuatkuasa pada masa itu dan seperti yang dimaklumkan oleh Pengendali Takaful. Sijil ini boleh diperbaharui mengikut pilihan Peserta tertakluk kepada terma, syarat dan penamatan pada setiap tarikh ulang tahun Sijil.

Caruman pembaharuan yang dibayar tidak dijamin dan Pengendali Takaful berhak menyemak semula kadar caruman setiap tiga (3) tahun dan kadar caruman baru selepas penyemakan akan digunapakai semasa pembaharuan itu. Sebarang perubahan kadar caruman tersebut akan diaplikasikan untuk setiap Peserta mengikut penilaian risiko Pengendali Takaful tanpa mengira pengalaman tuntutan sebelum.

Sijil ini boleh diperbaharui mengikut pilihan Peserta sehinggalah berlaku mana-mana daripada yang berikut :

- a) tiada pembayaran caruman atau caruman tidak dibuat pada masanya
- b) penipuan atau salah-nyata bahan fakta penting semasa membuat permohonan
- c) Sijil dibatalkan atas permintaan Peserta
- d) jumlah tuntutan Sijil telah mencapai had seumur hidup ditetapkan
- e) Orang yang Dilindungi meninggal
- f) Orang yang Dilindungi tidak lagi layak menjadi tanggungan seperti dinyatakan di Sijil
- g) Pengendali Takaful akan memberi tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada Peserta sekiranya berlaku penyemakan semula dalam caruman atau penarikan-balik portfolio.

Penamatan perlindungan bagi semua Sijil dalam pasaran tertentu dan Pengendali Takaful menarik-balik Sijil ini sepenuhnya daripada pasaran berdasarkan Syarat Penarikan-Balik Portfolio.

3 WILAYAH GEOGRAFI

Semua manfaat yang ditawarkan di dalam Sijil ini boleh digunapakai di seluruh sedunia, dua puluh-empat (24) jam sehari.

4 WARIS PESERTA (PEMEGANG SIJIL BERIKUTNYA)

- a) Sekiranya berlaku kematian kepada Peserta semasa Sijil ini berkuatkuasa, suami/isteri sah Peserta secara automatik akan menjadi Peserta setelah menandatangani akad baru dan semua rujukan di bawah Sijil ini terhadap Peserta akan selepas ini adalah suami / isteri tersebut.
- b) Bila Orang yang Dilindungi tidak lagi layak dikira sebagai anak tanggungan, Orang yang Dilindungi ini boleh terus membaharui Sijil di atas namanya sendiri sebagai Peserta dan semua rujukan di dalam Sijilnya ke atas Peserta selepas ini akan bermaksud Orang yang Dilindungi tersebut.

5 TEMPOH SAH

Produk ini hanya akan sah sehingga 31 Julai 2115 dari tarikh pelancaran melainkan jika dibatalkan atau ditarik balik mengikut terma dan ketentuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Sijil ini. Tarikh pelancaran tersebut adalah 12 April 2016 dan produk ini tidak akan lagi sah selepas 30 Jun 2115.

6 HARGA CARUMAN

Harga Caruman dan semakan yang seterusnya akan berdasarkan portfolio. Permohonan baru akan tertakluk kepada pengunderaitan individu dan bebanan (loading) caruman pada tarikh insepisi pertama akan diaplikasikan pada kadar caruman standard termasuk pada semakan seterusnya.

PERUNTUKAN AM

1 PINDAAN

Pindaan terhadap Sijil tidak sah melainkan pencapaian kata sepakat oleh Pengendali Takaful dan Peserta, dan kelulusan tersebut akan diendorskan ke atasnya.

2 TIMBANG TARA

Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berpunca daripada atau berkaitan dengan Sijil, atau pelanggaran, penamatan atau ketaksahan hendaklah diselesaikan secara timbang tara mengikut *Rules of Arbitration of the Kuala Lumpur*.

3 PERUBAHAN DALAM RISIKO

Orang yang Dilindungi hendaklah segera memberikan notis secara bertulis kepada Pengendali Takaful tentang sebarang perubahan penting dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi dan membayar apa-apa caruman tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Takaful.

4 PEMBATALAN SIJIL (*layak untuk cara pembayaran secara tahunan sahaja*)

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Peserta pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful, dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa tempoh Sijil, Peserta akan layak menerima bayaran balik caruman seperti yang berikut :-

TEMPOH	BAYARAN BALIK CARUMAN TAHUN
Tidak melebihi 15 hari	90% (terpakai bagi pembaharuan sahaja)
Tidak melebihi 1 bulan	80% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 2 bulan	70% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 3 bulan	60% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 4 bulan	50% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 5 bulan	40% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 6 bulan	30% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 7 bulan	25% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 8 bulan	20% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 9 bulan	15% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 10 bulan	10% Caruman tahunan sahaja
Tidak melebihi 11 bulan	5% Caruman tahunan sahaja
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik Caruman

5 BAYARAN TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi asas dan syarat khas serta mutlak bagi Sijil ini, yang caruman tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan berkuatkuasa.

6 PERAKUAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

Sebarang perbelanjaan atas semua sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan seperti yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful dalam borang tertentu hendaklah ditanggung oleh Peserta. Dan sebarang notis maklumat yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful dari perlu dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengendali Takaful. Peserta hendaklah menyerahkan pemeriksaan perubatan kepada Pengendali Takaful jika dikehendaki.

7 PROSEDUR TUNTUTAN

- Bagi membuat tuntutan hilang upaya, Peserta hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengendali Takaful dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap pakar perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh hilang upaya bermula mengikut pendapat pakar perubatan dan rumusan kos rawatan oleh pakar perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari hari hilang upaya. Kegagalan berbuat demikian dalam tempoh yang dibenarkan tidaklah boleh membatalkan tuntutan sekiranya ditunjukkan sebab munasabah kegagalan notis tuntutan tidak dapat diberikan secepat yang mungkin.
- Peserta hendaklah mendapatkan dan bertindak segera berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya dan Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab jika rawatan atau khidmat menjadi perlu berikutan kegagalan Peserta berbuat demikian.

8 PRASYARAT LIABILITI (SYARAT YANG MENDAHULUI LIABILITI)

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan dan syarat Sijil ini dengan sewajarnya oleh Orang yang Dilindungi dan selagi berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang yang Dilindungi hendaklah menjadi prasyarat liabiliti Pengendali Takaful.

9 CARUMAN

Jika Orang yang Dilindungi mempunyai Takaful atau insurans lain yang melindungi mana-mana penyakit atau kecederaan yang dilindungi oleh Sijil ini, Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab membayar jumlah yang lebih besar bagi penyakit atau kecederaan itu daripada jumlah yang ditanggung oleh Sijil ini atau melebihi jumlah keseluruhan semua Takaful yang sah yang melindungi penyakit atau kecederaan tersebut.

10 TEMPOH BERTENANG / TEMPOH KHIYAR (HAK UNTUK PEMBATALAN)

Jika Sijil telah dikeluarkan dan atas sebarang alasan, Orang yang Dilindungi membuat keputusan untuk tidak mengambil Sijil itu, Orang yang Dilindungi boleh mengembalikan Sijil itu kepada Pengendali Takaful untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh Orang yang Dilindungi kepada Pengendali Takaful dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Sijil. Orang yang Dilindungi itu layak menerima pulangan penuh caruman yang telah dibayar selepas ditolak belanja perubatan yang ditanggung oleh Pengendali Takaful untuk mengeluarkan Sijil tersebut.

11 MATAWANG BAYARAN

Semua bayaran di bawah Sijil ini hendaklah dibuat dalam mata wang Singapura (SGD) yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran yang diminta oleh Peserta supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

12 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SIJIL

- i. kandungan perakuan Takaful ini tidak bertujuan untuk pengagihan kepada mana-mana orang dalam mana-mana bidang kuasa di mana pengedaran itu akan bertentangan dengan undang-undang.
- ii. kandungan perakuan Takaful ini tidak mengandungi tawaran atau permintaan atau jemputan kepada sesiapa sahaja dalam mana-mana bidang kuasa di mana tawaran kepada mana-mana orang yang baginya tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang sekiranya membuat apa-apa tawaran atau permintaan.
- iii. sijil Takaful kami dianggap selesai dan dilaksanakan dibawah undang-undang IBFC Labuan.

13 TEMPOH IHSAN (*layak untuk caruman tahunan sahaja*)

Meskipun dengan syarat Bayaran Tunai Sebelum Perlindungan, tempoh ihsan selama empat-belas (14) hari selepas daripada tarikh tamat pembayaran akan dibenarkan kepada Peserta bagi pembayaran mana-mana caruman selepas tahun pertama Sijil. Sekiranya mana-mana caruman tidak dibayar berkaitan dengan Sijil ini atau mana-mana Sijil tambahan sebelum akhir tempoh ihsan ini, Sijil ini dan Sijil tambahan berkaitan akan dianggap terbatal pada tarikh tamat Sijil. Walaupun pembayaran telah dibuat semasa tempoh ihsan iaitu dalam tempoh dari tarikh tamat sehingga ke tarikh pembayaran, jika berlaku sebarang hilang upaya tiada pembayaran akan dibuat.

14 TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah kejadian tuntutan telah selesai dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat layak diterima tidak akan dibayar kecuali semua bil untuk tuntutan itu telah diserahkan dan dipersetujui oleh Pengendali Takaful. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran semula. Sebarang perbezaan atau pengecualian bagi perkara di atas adalah mengikut budi bicara Pengendali Takaful semata-mata.

15 PROSIDING UNDANG-UNDANG

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mengefektifkan Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis tentang kerugian menurut keperluan Sijil ini diberikan. Jika Orang yang Dilindungi gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh terma, peruntukan dan syarat Sijil, maka Orang yang Dilindungi boleh, dalam tempoh ihsan bagi satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Pengendali Takaful dengan alasan yang kukuh atas kegagalan mematuhi terma, peruntukan dan syarat Sijil. Penerimaan bukti kerugian itu adalah semata-mata dan sepenuhnya mengikut budi bicara Pengendali Takaful. Selepas tempoh ihsan itu tamat, Pengendali Takaful tidak akan menerima, walau dengan apa-apa alasan sekalipun, bukti bertulis tentang kerugian itu.

16 SALAH / PENIPUAN

Sijil ini adalah terbatal jika cadangan atau perisytiharan Orang yang Dilindungi didapati tidak benar dari sebarang segi atau jika fakta penting yang mempengaruhi risiko Orang yang Dilindungi tidak dinyatakan dengan benar di dalamnya atau diabaikan daripadanya, atau jika Takaful ini, atau apa-apa pembaharuan padanya sepatutnya diperolehi melalui sebarang silap nyata, salah nyataan atau jika sebarang tuntutan yang dibuat secara menipu atau ditokoktambah, atau sebarang perisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, dengan itu dalam mana-mana kes ini.

17 SILAP NYATA UMUR

Jika umur Orang yang Dilindungi telah tersilap-nyata dan akibatnya caruman yang dibayar tidak mencukupi, maka apa-apa tuntutan yang dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dikira secara pro rata berasaskan nisbah caruman sebenar yang dibayar dengan caruman yang betul yang sepatutnya dikenakan selama setahun. Apa-apa caruman yang berlebihan, yang mungkin telah dibayar akibat silap nyata umur, hendaklah dibayar balik tanpa faedah. Jika pada umur yang betul, Orang yang Dilindungi itu tidak layak dilindungi di bawah Sijil ini, maka tiada manfaat akan dibayar.

18 NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Pindaan bagi syarat dalam Sijil ini atau apa-apa pengendorsan padanya, tidak sah kecuali pindaan itu ditandatangani atau diparap (initialed) oleh wakil Pengendali Takaful yang diberi kuasa

19 KLAUSA "OFF-DUTY" (Hanya diguna pakai jika tercatat di dalam Jadual Sijil)

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui dimana walaupun yang dinyatakan sebaliknya, kekecualian berkaitan dengan pekerjaan / tugas hanya akan digunakan semasa bekerja atau semasa sedang melakukan kerja-kerja berkaitan termasuk dalam perjalanan pergi dan pulang dari tempat kerja.

20 PEMILIKAN SIJIL

Kecuali diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui Endorsemen dalam Sijil, Pengendali Takaful berhak menganggap Peserta sebagai pemilik mutlak Sijil. Pengendali Takaful tidak terikat untuk mengiktiraf apa-apa tuntutan ekuiti atau tuntutan lain ke atas Sijil atau kepentingan dalam Sijil, dan penerimaan Sijil atau manfaat oleh Peserta (atau oleh wakilnya yang sah atau yang diberi kuasa) sahaja hendaklah merupakan pelepasan efektif bagi semua obligasi dan liabiliti Pengendali Takaful. Peserta hendaklah dianggap sebagai prinsipal atau ejen bertanggungjawab bagi Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini.

21 SUBROGASI

Sekiranya Pengendali Takaful bertanggungjawab keatas bayaran di bawah Sijil ini, Pengendali Takaful berhak atas perbelanjaan sendiri mengambil alih setakat pembayaran tersebut ke atas semua hak dan remedi Orang yang Dilindungi terhadap mana-mana pihak dan untuk menyaman atas nama Orang yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi hendaklah member kepada Pengendali Takaful semua bantuan dan kuasa yang perlu bagi Pengendali Takaful untuk menjamin hak dan remedi dan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Pengendali Takaful untuk membawa guaman atas nama Orang yang Dilindungi.

22 PENAMATAN PERLINDUNGAN ORANG YANG DILINDUNGI DAN LIABILITI PENGENDALI TAKAFUL

Orang Yang Dilindungi akan berhenti menjadi Orang Yang Dilindungi pada :

- Bagi anak, ulang tahun Sijil pada harijadi ke sembilan belas (19) tahun atau harijadi ke dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian berdaftar.
- Tarikh penamatan Sijil atau mana-mana perlindungan seseorang.

23 PENGURUSAN DANA TAKAFUL

Sumbangan Takaful

Sumbangan yang perlu dibayar bagi perlindungan Takaful di bawah pelan Takaful ini hendaklah dibayar mengikut kadar caruman seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Sijil.

Dana Wakalah

- Pengendali Takaful berhak untuk yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan yang akan ditolak apabila sumbangan Takaful dibayar oleh Peserta. Tahap yuran Wakalah termasuk yuran pentadbiran semua pengedar hendaklah ditakrifkan sebagai peratusan (%) daripada setiap sumbangan yang diperuntukkan. Yuran Wakalah akan ditolak daripada caruman tunggal yang dibayar. Yuran Wakalah digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk bayaran pentadbiran yang dibayar kepada pengedar.
- Pengendali Takaful akan mengambil yuran pengurusan daripada caruman yang terhutang.

Dana Takaful

- Selepas ditolak Yuran Wakalah yang ditetapkan, baki Caruman yang diperuntukkan akan dikreditkan sepenuhnya ke dalam Dana Takaful yang berkaitan.
- Peserta hendaklah bersetuju menderma sumbangan sebagai tabarru 'bagi tujuan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di kalangan peserta lain.
- Pengendali Takaful akan mengkreditkan caruman Takaful yang dikumpul di bawah pemegang Sijil ini ke dalam Dana Takaful untuk membayar semua manfaat Takaful di bawah pemegang Sijil ini.
- Pengendali Takaful akan mengenakan caj semua kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaburan dari Dana Takaful.
- Jika Dana Takaful tidak mencukupi untuk membayar semua manfaat yang perlu dibayar dan tidak ada dana khas yang Pengendali Takaful boleh memindahkan aset untuk tujuan ini, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan Qard (pinjaman tanpa faedah), dan ini perlu dibayar balik dengan seberapa segera sekiranya terdapat lebihan dalam Dana Takaful.

Lebihan

Seperti yang diaplikasikan dalam konsep Takaful, jika pada akhir tahun kewangan terdapat lebihan bersih Dana Takaful, pemegang Sijil berhak mendapat bahagiannya daripada lebihan. Lebihan daripada Dana Takaful dikira mengikut prinsip aktuari dan berkadar dengan sumbangan terkumpul dalam Dana Takaful selepas yuran wakalah. Pengendali Takaful hendaklah mengagihkan lebihan dari Dana Takaful seperti yang dinyatakan di bawah:

- Kelayakan pemegang Sijil lebihan itu hendaklah ditentukan dengan mengambil kira semua tuntutan yang ditanggung di bawah pemegang Sijil dalam tahun kewangan dan selepas membuat peruntukan yang sesuai bagi rizab.
- Jika di atas adalah kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang diperolehi pada tahun kewangan di bawah pemegang Sijil, pemegang Sijil berhak ke atas bahagian lebihan kepada jumlah perbezaan antara Sumbangan Takaful dan tuntutan dan peruntukan di atas.

Qard (tanpa faedah kewangan)

Para pemegang saham Pengendali Takaful akan menguruskan Qard sekiranya Dana Takaful dalam keadaan defisit. Qard hendaklah dibayar balik hanya pada jumlah asal yang dikeluarkan daripada Lebihan, sekiranya ada.

24 KLAUSA CARUMAN MODAL *(Hanya diguna pakai jika tercatat di dalam Jadual Sijil)*

Jika tidak terdapat apa-apa percanggahan, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa caruman adalah berbayar secara kekerapan modal dan ianya tertakluk kepada faktor caruman modal yang ditentukan oleh pihak Pengendali Takaful. Oleh kerana pembayaran dibuat secara caruman modal, dengan ini juga diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sijil ini tertakluk kepada perkara-perkara tersebut di bawah:

- a. Syarat tempoh ihsan dianggap tidak terpakai.
- b. Jika Sijil ini dibatalkan oleh Peserta di bawah syarat pembatalan seperti dinyatakan di Sijil ini, tiada pemulangan caruman bagi caruman secara bulanan.

Tertakluk kepada peruntukan, terma dan kekecualian didalam Sijil.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Atas sebab anda memohon sepenuhnya Takaful ini untuk diri sendiri / keluarga / tanggungan, adalah menjadi kewajipan untuk anda bertanggungjawab untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan Takaful ini) dengan lengkap dan tepat. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pembatalan Sijil Takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan Sijil mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010. Anda juga dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkait dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma.

Anda juga wajib untuk memberitahu kami dengan segera jika sebarang maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan Takaful ini) tidak tepat atau berlaku perubahan pada bila-bila masa selepas Sijil Takaful telah dibuat, diubah atau diperbaharui.

Maklumat Sijil

Untuk maklumat am tentang produk, anda boleh merujuk kepada Helaian Keterangan Produk di www.archipelagold.com

- a. Kami dan Pembekal Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab diatas kegagalan atau kelewatan untuk memberikan perkhidmatan sekiranya disebabkan oleh mogok atau keadaan di luar kawalan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan penerbangan atau di mana undang-undang agensi kawal selia tempatan melarang Pembekal Perkhidmatan dari memberikan perkhidmatan tersebut.
- b. Perkhidmatan profesional undang-undang, profesional perubatan dan / atau pembekal bantuan rumah yang dirujuk oleh Pembekal Perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan terus kepada peserta bukan pekerja atau ejen Pembekal Perkhidmatan dan / atau anak-anak syarikatnya atau syarikat gabungan. Kami dan Pembekal Perkhidmatan dan / atau anak-anak syarikatnya atau syarikat gabungan tidak akan bertanggungjawab terhadap mutu atau hasil perkhidmatan dari mana-mana pembekal perkhidmatan lain yang dirujuk oleh Pembekal Perkhidmatan kepada Peserta.

Prosedur Aduan

Jika anda ingin membuat aduan, sila rujuk kepada Unit Aduan kami :

Alamat Surat Menyurat / Unit Aduan

No Syarikat : LL09355
Lesen No : IS2013136
Bersama Terletak pejabat : B-08-07, Gateway Corporate Suites, Gateway Kiaramas, No 1,
Jalan Desa Kiara, Mon't Kiara, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon : +6 (03) 6201 0491
Faks : +6 (03) 6201 0481
E-mel : customerservice@archipelagold.com
Laman Web : archipelagold.com

Notis

Sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna, tujuan dan maksud di dalam Sijil Bahasa Malaysia ini, adalah dipersetujui bahawa Sijil versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Peserta diminta agar membaca dengan teliti Sijil ini dan sekaligus memberitahu Pengendali Takaful jika terdapat apa-apa pembedaan.